



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 1 JAN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PERUNTUK DANA RM100 JUTA BANTU AGROPRENEUR TERJEJAS BANJIR, BISNES, HM -24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	60 USAHAWAN FAMA BERPELUANG TERIMA BANTUAN MAFI, HM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mafi peruntuk dana RM100 juta bantu agropreneur terjejas banjir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	24	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,019



Mafi peruntuk dana RM100 juta bantu agropreneur terjejas banjir

Jejebu: Sebanyak RM100 juta daripada RM4.2 bilion belanjawan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tahun hadapan akan diperuntukkan untuk pelbagai jenis bantuan bagi meringankan beban pengusaha agromakanan seluruh negara yang terjejas banjir.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan di bawah 'Dana Bangkit Semula Keluarga Agro' itu akan diagihkan dalam masa terdekat kepada pengusaha yang terbabit antara lain melalui Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan Jabatan Pertanian.

Beliau berkata, bantuan diberikan dalam bentuk peralatan pertanian dan penternakan seperti mesin, tangki air dan dana Agrobank diharap, selain meringankan beban pengusaha



Banjir ini menyebabkan kerosakan yang besar dan isu bekalan dan sekuriti makanan keutamaan Mafi. Ini antara langkah proaktif diambil Mafi"

Dr Ronald Kiandee

terjejas, ia juga mampu membangunkan semula sektor agromakanan negara.

"Banjir ini menyebabkan kerosakan yang besar dan isu bekalan dan sekuriti makanan keutamaan Mafi. Ini antara langkah proaktif diambil Mafi.

"Jadi peruntukan diguna-



kan untuk membangunkan semula sektor ini termasuk kepada agropreneur muda yang terkesan selain program komuniti, pertanian organik dan agropelancongan yang dikelola Mafi," katanya selepas meninjau ladang dan kolam ternakan yang terkesan akibat banjir di sini, kelmarin.

Beliau berkata, sektor agromakanan negara, setakat ini, mencatatkan kerugian sebanyak RM63 juta memabatkan 4,700 pengusaha susulan banjir dan jumlah itu dijangka bertambah berdasarkan data menyeluruh daripada jabatan dan agensi di bawah Mafi.

Bagaimanapun, Dr Ronald memberi jaminan bekalan makanan negara, setakat ini, mencukupi dan bersedia menambah kuota import terutama bekalan beras bagi menampung keperluan rakyat sekiranya berlaku kekurangan sumber makanan.

"Setakat ini negara tak berdepan masalah kekurangan makanan dan Mafi memantau kesan banjir bukan sahaja terhadap bekalan beras tapi sayur dan daging, sebab itu kita nak mereka bangunkan semula perusahaan terjejas itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

60 usahawan Fama berpeluang terima bantuan Mafi



ZAINAL Abidin (tengah) dan Saiful menyampaikan bantuan keperluan asas kepada kakitangan Fama Pahang di Kampung Padang Garuda yang terjejas banjir. FOTO Mohd Rafi Mamat

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyenarai pendek 60 usahawan terjejas banjir yang berpeluang menerima bantuan tabung bencana di

bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, usahawan pasar tani dan agro bazar yang peralatan dan barangan mereka rosak berpeluang menerima bantuan berkenaan.

Menurutnya, selepas laporan kerosakan diperolehi, pihaknya akan memohon bantuan tabung bencana Mafi sebagai usaha membantu golongan usahawan yang terjejas disebabkan bencana banjir minggu lalu.

"Suka saya jelaskan bantuan tabung bencana untuk usahawan Fama yang disediakan Mafi bukan ganti rugi sebaliknya hanya bantuan bagi meringankan beban mereka selepas barangan dan peralatan mereka rosak.

"Antara peralatan yang akan disediakan seperti meja, kerusi, rak meletak barangan dan payung.

"Saya menjangkakan jumlah usahawan yang terjejas kerana banjir akan bertambah berikutan gelombang kedua banjir kini sedang berlaku di beberapa negeri," katanya selepas lawatan pasca banjir di daerah ini, hari ini.

Turut sama Pengarah Fama Pahang Saiful Sadri.

Sempena program dua hari itu agihan bantuan keperluan asas dan wang ihsan diberikan kepada kakitangan Fama Pahang yang rumah mereka ditenggelami banjir minggu lalu.

Zainal Abidin berkata, bagi pekebun yang tanaman mereka musnah ditenggelami banjir, mereka berpeluang menerima bantuan tabung bencana Mafi yang diuruskan oleh Jabatan Pertanian Negeri.

Beliau menambah, bencana banjir minggu lalu turut membabitkan 100 kakitangan Fama seluruh negara dan jumlah mereka mungkin bertambah berikutan gelombang kedua banjir yang sedang melanda negara kini.

"Fama menyediakan 102.75 tan sayuran dan buah bernilai RM340,486 yang diagihkan kepada golongan memerlukan di bawah program Mafi Prihatin sejak Mei tahun lalu.

"Bantuan berkenaan diterima lebih 40,257 pengguna yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seterusnya bencana banjir yang sedang berlaku," katanya.

Disiarkan pada: Januari 1, 2022 @ 2:57pm